

07 OCT 1998  
Zahid-Surat  
ZAHID BERTERIMA KASIH KEPADA MT

BAGAN DATOH, 7 Okt (Bernama) -- Bekas Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi berterima kasih kepada Majlis Tertinggi (MT) parti itu yang tidak memecatnya tetapi memberi surat tunjuk sebab mengapa beliau tidak boleh dipecat daripada parti.

Beliau berkata, keputusan MT itu yang dipengerusikan oleh presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam semalam, membolehkan beliau dan 17 anggota parti yang lain membela diri.

"Saya akan menjawab seberapa segera surat tunjuk sebab itu dengan memberi penjelasan apabila menerima surat daripada ibu pejabat parti itu kelak," katanya ketika ditemui selepas perjumpaan beliau dengan pemimpin Umno Bahagian Bagan Datoh, pemimpin Barisan Nasional (BN) serta pemimpin masyarakat di kawasan itu di sini, petang ini.

Mengenai keputusan MT itu, Zahid yang merupakan Ketua Umno Bahagian itu berkata, beliau hanya membacanya melalui media dan mengesahkannya pagi tadi dengan menelefon ibu pejabat Umno.

"Surat tunjuk sebab itu membuktikan bahawa saya dan 17 yang lain diberi peluang membela diri dan inilah keadilan dalam Umno," tegas beliau.

Mengenai perjumpaan tertutup itu, Zahid berkata, ia adalah siri pertama majlis penerangannya ke seluruh negara bagi menjelaskan kedudukan isu politik semasa seperti yang dijanjikannya selepas melepaskan jawatan ketua pergerakan itu minggu lepas.

Menurut Zahid, beliau mengingatkan anggota Umno di bahagian itu mengenai pentingnya perpaduan dengan kembali ke wadah utama perjuangan parti demi kesejahteraan bangsa, agama dan negara.

Anggota Umno harus menerima hakikat bahawa hanya dengan kestabilan politik sahaja, negara akan peroleh kesejahteraan ekonomi dan sosial, tambah beliau.

Zahid juga meminta pemimpin peringkat bahagian dan cawangan menarik balik sebilangan anggota di peringkat umbi yang dikatakan hendak meninggalkan parti itu kerana tidak puas hati dengan apa yang telah berlaku selain dipengaruhi faktor luaran.

"Saya tidak khuatir dengan taat setia di kalangan pemimpin bahagian dan cawangan tetapi bimbang dengan anggota di peringkat akar umbi yang mudah terpengaruh dengan pihak lain yang mengambil kesempatan isu dalam parti untuk mengeratkan perpaduan dalam Umno dan Barisan Nasional," tegas beliau.

Mengenai siri penerangan beliau ke bahagian lain, Zahid berkata ia bergantung kepada jemputan bahagian termasuk Pergerakan Pemuda kerana menurutnya beliau kini tidak lagi mempunyai kedudukan untuk berbuat demikian tanpa diundang.

Zahid berkata, beliau bersama keluarganya akan mengerjakan Umrah di Mekah selama dua minggu dan majlis itu jika ada akan hanya dilakukan sekembalinya daripada tanah suci kelak.

Zahid juga berkata, beliau juga akan mengadakan perbincangan dengan Pemangku Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Tun Hussein mengenai kemungkinan beliau menyumbang tenaga untuk program khas pemuda termasuk majlis penerangan.

"Sebagai bekas pemimpin pergerakan itu, saya mempunyai tanggungjawab untuk menjelaskan kekeliruan yang timbul bagi mengatasi segera segala permasalahan yang telah timbul", tegas beliau.

Beliau tidak mahu pergerakan pemuda mempunyai tanggapan salah terhadapnya kerana beliau telah menjelaskan kedudukan sebenar kepada polis

semasa ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) tempoh hari  
selain penjelasan kepada Dr Mahathir.

-- BERNAMA

LAT PR